

# DOSM pacu pembangunan statistik peringkat serantau

**KUALA LUMPUR** – Malaysia akan terus bekerjasama dengan komuniti statistik bagi mengembangkan pembangunan kapasiti statistik negara anggota Institut Statistik Asia dan Pasifik (SIAP), khususnya dalam melaksanakan serta memantau Agenda Pembangunan Mampan 2030 serta menangani isu baharu muncul.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, kehadiran DOSM sebagai ahli *Governing Council* (GC) SIAP penting dalam menunjukkan komitmen antarabangsa untuk memudahkan pembangunan, promosi dan perkongsian amalan statistik terbaik dalam komuniti statistik nasional, serantau dan global.

“Malaysia mempunyai platform yang luas untuk perkongsian pengetahuan dan kepakaran bagi proses yang mampan, selain turut mengambil bahagian dalam

pembangunan kapasiti statistik serta pengukuhan kerjasama antarabangsa melalui Institut Latihan Perangkaan Malaysia (ILSM).

“Dengan memperkukuh pembinaan kapasiti manusia serta pertukaran perspektif dan teknologi terkini berkaitan statistik, DOSM boleh berkongsi dan mengembangkan kebolehan dalam pembangunan kapasiti.

“Ia dicapai melalui latihan kerjasama pengurusan dalam bidang statistik rasmi, selain berkongsi kemudahan dan kerjasama dengan badan perangkaan yang berkaitan untuk menyelaraskan program berkaitan latihan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Sesi GC SIAP Ke-19 dan Seminar Pengurusan bagi Ketua Pejabat Statistik Kebangsaan (NSOS) Asia dan Pasifik di sini semalam.

Acara selama tiga hari sehingga Jumaat ini dihadiri oleh perwakilan daripada 81 buah negara.

